Perpaduan tunjang kekuatan negara

BH- 8/12/2006

Perayaan ulang tahun kemerdekaan tuntut komitmen semua kaum

SUDAH 50 tahun negara kita merdeka, maka sudah sewajarnya kita merayakan kemerdekaan negara kita kerana kita ada sebab mengapa kita merayakan 50 tahun Malaysia merdeka. Banyak peristiwa yang berlaku dalam 50 tahun yang menjadikan negara kita apa yang kita lihat pada hari ini.

Kita nak jadikan perayaan ini sebagai satu tahun untuk anak kita cuba fikir bagaimana dan apakah penyebab negara kita maju dan berjaya, apakah pengalaman yang ada pada generasi pada hari ini, pengalaman yang ada hubung kait dengan perjuangan mengisi kemerdekaan, perjuangan untuk menjadikan negara maju, bangsa kita menjadi bangsa merdeka, dapat hidup dan menikmati kehidupan yang bererti dan berkualiti dan membolehkan kita membina kekuatan untuk terus hidup dan membina kemajuan dari satu tahap ke satu tahap.

Sejarah berkenaan kita menuntut kemerdekaan perlu kita halusi. Kita perlu belajar daripada sejarah. Kita tahu bahawa yang menggerakkan perjuangan menuntut kemerdekaan adalah orang Melayu. Tapi orang Melayu juga sudah membuat keputusan apabila ditetapkan kita hendak merdeka, bahawa adalah baik jika ada kekuatan gabungan daripada orang Melayu, Cina dan India untuk memastikan tuntutan kemerdekaan itu dapat dicapai akhirnya.

Pendekatan yang diambil itu adalah satu pendekatan yang sangat wajar dengan memahami British biasanya mengamalkan dasar pecah perintah. Dengan berlaku satu peristiwa apabila Peranakan Pulau Pinang sudah menyatakan mereka tidak mahu merdeka dan menyatakan lebih baik terus tinggal di bawah British. Untuk memastikan tuntutan kemerdekaan adalah hasil tuntutan daripada semua rakyat Malaysia merangkumi Melayu, Cina dan India. Jadi, Melayu, Cina dan India bergabung tenaga menghadapi satu kuasa menuntut supaya negara kita ini diberikan kemerdekaan.

Saya ingat lagi peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan, ketika itu saya masih remaja di sekolah menengah. Pekerjaan menuntut kemerdekaan tanpa menumpah darah, tanpa mengorbankan anak bangsa, adalah satu kejayaan yang istimewa dan membanggakan kerana ia menunjukkan kematangan pejuang kemerdekaan kita yang memilih pendekatan perundingan, walaupun saya tahu ada persediaan untuk memberontak jika tuntutan kemerdekaan itu tidak dipenuhi. Tapi Alhamdulillah, tiada kerosakan yang berlaku untuk mencapai kemerdekaan kecuali kerosakan yang disebabkan pengganas komunis.

Kemudian, kepemimpinan kita, kepemimpinan rakyat dan kerajaan dapat mengatasi dan menumpaskan segala rintangan dan ancaman, dan kita sudah mencapai kejayaan menundukkan ancaman komunis. Walaupun untuk beberapa tahun kemudian kita terpaksa berdepan lagi tindakan subversif Parti Komunis Malaya (PKM), perjuangan tetap diteruskan sehingga ancaman mereka dapat dikalahkan. Kita melihat tindakan yang diambil Allahyarham Tun Abdul Razak, (Perdana Menteri Kedua) untuk menjalin hubungan diplomatik dengan China. Walaupun Parti Komunis China secara terang-terangan memberi sokongan material dan moral kepada PKM, tetapi menerusi pendekatan yang begitu berani dan bijak dengan menjalinkan hubungan diplomatik membawa kepada kemenangan kita dan dapat melemahkan gerakan subversif dan keganasan komunis. Satu lagi kejayaan sudah kita capai.

Kemudian, kita mengatur langkah menghadapi masalah yang lebih besar lagi, menghadapi ancaman kemunduran, kemiskinan, buta huruf. Ini adalah perjuangan yang lebih besar, dan perjuangan besar ini juga dapat kita buktikan kemenangan dengan kejayaan yang kita perolehi dari setahun ke setahun hinggalah pada hari ini Malaysia menduduki senarai pertama di dunia dalam perjuangan membasmi kemiskinan. Walaupun kemiskinan sehingga kini belum 100 peratus dibasmi, tapi ia adalah satu kejayaan besar untuk menurunkan daripada 60 peratus ketika merdeka kepada 5.7 peratus pada hari ini. Begitu juga usaha untuk membina modal insan, berapa ramai tenaga kepakaran anak bangsa yang ada hari ini, sehingga mereka berupaya untuk meningkat dan membangunkan negara kita ini. Kita bangga dengan kejayaan yang ada hari ini. Ini adalah kejayaan hasil kesepakatan rakyat berbilang kaum – Melayu, Cina dan India.

Ini adalah kejayaan yang kita bersama capai hari ini, yang saya percaya kita mampu mencapai kejayaan yang lebih baik pada masa depan. Saya mahu kita tanyalah bagaimana kita boleh berjaya? Satu fakta yang penting sekali ialah kita dapat memastikan negara dapat menikmati kestabilan politik dan keamanan dan keselamatan. Ini bukan satu perkara yang mudah tapi satu perkara yang amat susah.

Peristiwa 13 Mei (1969) menunjukkan perpaduan kita masih rapuh, kerana apa yang berlaku pada masa itu rata-rata disebabkan pergeseran antara Melayu dan Cina. Ia adalah satu peristiwa yang saya sendiri tak dapat lupakan. Pada waktu itu saya adalah seorang pegawai muda kerajaan yang bekerja di sebuah jabatan kerajaan yang kemudian ditugaskan ke Majlis Gerakan Negara (Mageran).

Tiap-tiap hari pergi dan balik pejabat ditemani kereta askar. Sepanjang perjalanan, di Jalan Bangsar, dapat tengok semua kedai tutup, ada yang berasap terbakar, kereta tersadai di jalan, ada yang terbakar. Itu semua adalah tanda yang tidak baik.

Cerita mengenai Perang Dunia Kedua saya tak tahu kerana masih kecil dalam buaian, tetapi bila besar inilah yang saya tengok (keganasan 13 Mei). Saya tahu mengenai cerita 13 Mei. Saya tahu. Saya lihat dan saya tidak pernah menyukainya. Bagi mereka yang tidak pernah melihat, tak ada rasa apa-apa, boleh jadi tidak ada keinsafan. Tetapi bagi mereka yang melihat apa yang berlaku, akan ada rasa sedih, rasa insaf, dan mereka tidak mahu berulang lagi peristiwa itu.

Maka sebab itulah hal berkaitan perpaduan ini adalah perkara yang sangat penting. Apa yang berlaku dalam negara kita, kalau diambil kira apa yang berlaku dalam Perhimpunan Agung Umno, membuktikan betapa rapuhnya hal yang berkaitan dengan perkara agama dan bangsa. Kita tidak boleh nafikan. Memang kita ketahui dan ini bukan bermakna ia tidak berlaku pada kaum lain di negara kita, sama ada kaum Cina sesama mereka atau kaum India sesama mereka. Saya tahu, saya ada cara untuk tahu. Ini mungkin menunjukkan bahawa keadaan perpaduan di negara kita masih rapuh, kerana jika terhantuk mungkin retak, lagi kuat mungkin pecah berkecai. Kita tidak mahu ini berlaku.

Justeru, jangan di luar elok di dalam tak betul, kerana jika hanya di luar elok di dalam tak betul, maka yang luaran itu hanyalah 'facade' saja. Apa yang hanya luaran tidak akan tahan lama kerana ia tidak ada kekuatan dalaman. Kita perlu membina kekuatan dalaman untuk memastikan perpaduan yang kita peroleh itu tulen dan kukuh.

Saya tahu pada masa dulu memang lain keadaan kita, yang mana hubungan antara kaum itu kurang baik, tetapi kemudian makin lama makin baik. Alhamdulillah. Tapi sekarang ini ada tanda menunjukkan semakin lama semakin renggang. Buat apa kita simpan syak wasangka, lebih baik kita sama-sama mengubahnya. Jika perkara ini berjangkit kita sama-sama ubati. Kalau ada yang kurang baik, sama-sama kita tokok tambah dengan kekuatan dalaman yang kita bina.

Masa kita merdeka dulu, saya ada pada malam merdeka ketika Union Jack hendak diturunkan pada jam 12 tengah malam. Jika hendak dikisahkan perasaan ketika itu, payah nak diceritakan. Apabila bendera Union Jack diturunkan, semua rakyat berbilang kaum yang diwakili ketua masing-masing, semua gembira dan ada yang tanpa sedar mengalirkan air mata. Masa itu kita benar-benar bersatu. Masa itu kita sedar, kitalah pemilik negara ini dan kita yang bertanggungjawab memacu negara menjadi negara maju. Justeru, jika kerjasama masa itu begitu kukuh, kita patut teruskannya sekarang untuk membolehkan negara terus menjadi maju dan kuat berdasarkan satu wawasan dan satu impian. Itulah harapan kita.

Tetapi di samping itu juga kita mesti melihat apa juga kekurangan atau kelemahan kita. Kelemahan yang pertama ialah generasi muda tak dapat belajar susah payah mendapatkan kemerdekaan. Tak banyak kisah yang diceritakan, kerana mereka gembira berada dalam keadaan sekarang, seperti dalam keadaan euphoria kerana pembangunan terus berjalan rancak. Generasi muda tidak sedar kesusahan yang dilalui generasi terdahulu untuk mendapat dan mengisi kemerdekaan. Mereka tidak pernah bersusah payah, seperti menjadikan daun pisang sebagai payung dalam hujan. Generasi muda tidak pernah tahu perit jerih kita.

Kalau kita lupa dengan sejarah, kita tidak dapat belajar apa-apa kerana sejarah patut menjadi guru yang baik untuk membolehkan kita merancang jauh ke depan. Justeru, sangat penting generasi muda perlu disedar dan dilengkap dengan pengetahuan tentang apa yang dilalui generasi terdahulu bagi menjadikan mereka lebih baik pada masa depan. Maka dengan itu, dalam masa sambutan ulang tahun kemerdekaan ini, mestilah ada kegiatan yang kita laksanakan itu yang memberi pelajaran kepada generasi muda, yang berhubung cara untuk mengingatkan apa yang kita lalui, selain kita memberi harapan untuk masa depan, ke mana arah tuju selepas ini.

Saya tahu ini adalah perkara penting, sebab selepas pembentangan Dasar Ekonomi Baru (DEB), ada rancangan ekonomi lain seperti Mapen 1 dan Mapen 2. Dalam setiap rancangan, soalan yang sama diulang oleh generasi muda dalam perbincangannya dan sekarang mereka mengulang persoalan dan isu yang sama. Kita tak boleh biarkan ia berterusan begini. Dengan itu, saya mahu supaya dalam sambutan 50 tahun kemerdekaan ini, ia patut menjadi hari yang membolehkan kita bersyukur atas apa yang kita capai setakat ini. Tetapi apa yang kita nak capai pada masa depan, ia akan hanya boleh dilakukan menerusi usaha daripada seluruh rakyat Malaysia. Ia tidak boleh menjadi satu usaha daripada satu golongan, satu kaum atau satu bangsa saja. Bangsa lain tidak boleh menjadi tidak peduli atau bergerak melawan arus. Selama 50 tahun ini, semua kejayaan yang dicapai ialah hasil sumbangan semua kaum termasuk sektor swasta.

Saya berkehendakkan supaya dalam perayaan yang akan dianjurkan sektor swasta nanti supaya eloklah ia menjadi perayaan yang benar-benar dirayakan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Kita tidak mahu perayaan 50 tahun kemerdekaan ini menjadi perayaan satu kaum kerana mereka saja yang akan rasai semangatnya.

Perlu dipastikan semua program disertai semua kaum kerana mereka perlu disedarkan betapa pentingnya muhibah kerana cabaran negara kita pada masa depan adalah lebih sukar lagi.

Cabaran kita adalah untuk menghapuskan semua perasaan syak wasangka terhadap sesama sendiri. Kita mesti bersatu untuk memastikan segala perancangan yang sudah dirangka dapat dilaksanakan.

PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA